




LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA



Tkt 17, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
Tel : 603-26967999 (CPD)
: 603-26967809 (Pendaftaran JUB Berdaftar)
: 603-26967987 (Pendaftaran JUB Siswazah)
: 603-26968140 (Pendaftaran Firma JUB)
: 603-26968147 (IT), 603-26968142 (Akaun)
Fax: 603-26925680
E-mail: info@bqsm.gov.my
Website: www.bqsm.gov.my

Yang Di Pertua: DATO' Sr ABDULL MANAF BIN HJ. HASHIM
DIMP, KMN, AMN, AMT, PJC, MISM

Pendaftar: Sr ABD SHUKOR BIN IBRAHIM
KMN, AMP, FISM

Setiausaha: Sr ROZNITA BINTI OTHMAN, MISM

SURAT PEKELILING BIL. 1/2011

19 September 2011

Kepada : Semua Firma Juruukur Bahan Perunding / Juruukur Bahan Berdaftar

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

GARISPANDUAN BAGI PENDAFTARAN PEJABAT CAWANGAN FIRMA JURUUKUR BAHAN PERUNDING DENGAN LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA (LJBM)

1.0 Tujuan

Garispanduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Firma Juruukur Bahan Perunding yang berdaftar dengan LJBM mengenai prosedur dan syarat-syarat pendaftaran pejabat cawangan firma.

2.0 Tafsiran

Bagi tujuan garis panduan ini melainkan sekiranya konteksnya membawa maksud yang lain:

- "Firma Juruukur Bahan Perunding" merupakan firma yang berdaftar dengan LJBM dan mempunyai permit pendaftaran yang masih sah yang dikeluarkan oleh LJBM
- "pejabat cawangan" merupakan kesinambungan daripada pejabat utama yang berada di lokasi geografi yang berlainan

3.0 Latar Belakang

Garispanduan pendaftaran pejabat cawangan pernah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling LJBM No 4/2009 bertarikh 24.11.2009 dan telahpun dimasukkan ke dalam Garispanduan Pendaftaran LJBM. Namun demikian, Garispanduan ini perlu dipinda selaras dengan polisi terkini pendaftaran LJBM

4.0 Garispanduan Pendaftaran Pejabat Cawangan

Firma Juruukur Bahan Perunding adalah dibenarkan untuk menubuhkan pejabat cawangan berdasarkan garispanduan berikut :

4.1 Penubuhan Pejabat Cawangan

- pejabat cawangan mesti diuruskan secara sepenuh masa oleh seorang Juruukur Bahan Berdaftar yang berdaftar dengan LJBM tertakluk kepada perkara 4.2 di bawah
- bagi firma Juruukur Bahan Pelbagai Disiplin (MDP), pejabat cawangan mesti diuruskan sepenuh masa oleh sama ada seorang Juruukur Bahan Berdaftar, Jurutera Profesional atau Arkitek Profesional.

- 4.2 Kelayakan bagi perlantikan Pengurus cawangan adalah seperti berikut :
- (i) Seorang Juruukur Bahan Berdaftar yang berdaftar dengan LJBM
 - (ii) Terdiri daripada pengarah bukan sepenuh masa
 - (iii) Jumlah pejabat cawangan yang dibenarkan bagi seorang pengurus cawangan:
 - a) Pengarah/rakankongsi firma bukan sepenuh masa : Tidak terhad
 - b) Kakitangan Firma (Juruukur Bahan Berdaftar) : satu (1) pejabat cawangan sahaja
- 4.3 Firma Juruukur Bahan Perunding yang bertaraf ketuanpunyaan tunggal hanya dibenarkan untuk menubuhkan maksima dua buah pejabat cawangan. Namun begitu, prinsipal firma ketuanpunyaan tunggal tidak boleh menjadi pengurus pejabat cawangan.
- 4.4 Sekiranya sesebuah Firma Juruukur Bahan Perunding berhasrat untuk menubuhkan pejabat cawangan, mereka perlu memenuhi keperluan-keperluan berikut :
- (i) Melengkapkan borang permohonan pembukaan pejabat cawangan dan mengemukakan bayaran pendaftaran dalam bentuk cek berpalang / wang pos atas nama **Lembaga Juruukur Bahan Malaysia** sebanyak RM100.00.
 - (ii) memastikan setiap pejabat cawangan sentiasa berada di bawah seliaan Juruukur Bahan Berdaftar, Jurutera Profesional atau Arkitek Profesional yang menguruskan pejabat cawangan, sekiranya terlibat.
- 4.5 Memastikan permit bagi setiap pejabat cawangan diperbaharui sebelum 31 Januari setiap tahun dengan bayaran pembaharuan sebanyak RM100.00. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan permit pejabat cawangan dibatalkan. Sekiranya firma tersebut ingin mengaktifkan semula pejabat cawangan yang telah dibatalkan, mereka perlu memohon pendaftaran semula di mana nombor pendaftaran baru akan diberikan.
- 4.6 Pejabat tapak projek tidak boleh dianggap sebagai pejabat cawangan.
- 4.7 Semua kepalasurat Firma Juruukur Bahan Perunding perlu menyenaraikan :
- (i) nombor permit pendaftaran dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
 - (ii) tuanpunya tunggal, rakankongsi atau pengarah bagi ketuanpunyaan tunggal, perkongsian ataupun pertubuhan perbadanan berserta kelayakan dan jawatan masing-masing.
 - (iii) alamat kesemua pejabat cawangan yang berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.
- 4.8 Semua kepalasurat Pejabat Cawangan Firma Juruukur Bahan Perunding perlu menyenaraikan :
- (i) nombor permit pendaftaran pejabat cawangan Firma Juruukur Bahan Perunding.
 - (ii) alamat pejabat cawangan dan nama pengurus cawangan berserta kelayakan masing-masing.
 - (iii) alamat dan nombor permit pendaftaran ibu pejabat masing-masing.
- 4.9 Bagi permohonan yang tidak memenuhi keperluan-keperluan pendaftaran yang ditetapkan, bayaran pemprosesan sebanyak RM50.00 akan ditolak secara automatik daripada bayaran pendaftaran.

5.0 Tarikh Kuat Kuasa


Keperluan-keperluan di atas adalah berkuatkuasa serta-merta bagi semua pejabat cawangan yang baru manakala bagi pejabat cawangan sedia ada, keperluan tersebut mesti dipenuhi sebelum 31 Disember 2011.

6.0 Pembatalan

Surat Pekeliling ini membatalkan surat Pekeliling Bil 4/2009 mengenai Garispanduan tersebut di atas yang bertarikh 24 November 2009.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Dengan Perintah Lembaga,



Sr Abd Shukor bin Ibrahim
Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

